MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP
Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (524989-M)

The Observer

27.07.2018

PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA

TEK SENG HOLDINGS BERHAD ("TEKSENG")

PEMBERHENTIAN SEMENTARA AKTIVITI PENGELUARAN SUBSIDIARI

Pada 18 Julai 2018, TEKSENG mengumumkan TS Solartech Sdn. Bhd. ("TSST"), sebuah anak syarikat 50.69% milik Syarikat membuat keputusan untuk menghentikan keseluruhan aktiviti pengeluarannya, dijangka pada suku ketiga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

[Sumber: Pengumuman TEKSENG di laman web Bursa Malaysia pada 18 Julai 2018 & 23 Julai 2018]

KOMEN MSWG:

TSST adalah anak syarikat utama TEKSENG yang menyumbang 41% daripada pendapatan dan 61% daripada keuntungan sebelum cukai Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Oleh itu, pemberhentian sementara aktiviti pengeluarannya mungkin menimbulkan pelbagai implikasi kepada Kumpulan, dari segi operasi dan kewangan. Pada 23 Julai 2018, Bursa Securities mengeluarkan pertanyaan kepada Syarikat tentang beberapa kemungkinan implikasi daripada pemberhentian ini. Pelabur dinasihatkan supaya memantau perkembangan implikasi ini, termasuk kesan kewangan kos pemberhentian kepada Kumpulan, yang akan diumumkan oleh Syarikat.

Oleh kerana TSST menyumbang sebahagian besar pendapatan dan keuntungan sebelum cukai kepada Kumpulan, bagaimanakah Kumpulan dapat menampung ketiadaan sumbangan daripada segmen ini pada masa akan datang? Apakah sebenarnya yang dirancang oleh Kumpulan?

APFT BERHAD ("APFT" ATAU "SYARIKAT")

Dalam pengumuman bertarikh 18 Julai 2018, APFT menyatakan Syarikat telah memfailkan Writ dan Kenyataan Tuntutan terhadap bekas Pengarahnya, Dato' Faruk bin Othman antara lain kerana:

1. Menyalahgunakan dana Syarikat;
2. Menjadi punca Syarikat menjadi syarikat PN17; dan
3. Melanggar Syarat Penyenaraian Pasaran Utama.

Syarikat juga memfailkan Notis Permohonan untuk mendapatkan injunksi undang-undang terhadap Dato' Faruk. Syarikat cuba mendapatkan arahan interim berikut:

1. Menghalang Dato' Faruk dan wakilnya atau penama daripada mengambil bahagian dalam pengurusan Syarikat; dan

2. Menghalang Dato' Faruk daripada menunaikan hak mengundi yang ada pada saham Syarikat.

Pada 25 Julai 2018, Syarikat mengumumkan ia menerima Saman Pemula dan Notis Permohonan daripada pemegang saham, Hisham Bin Mustaffa, pada 24 Julai 2018 yang menuntut antara lain, injunksi untuk melarang Syarikat daripada mengadakan AGM ke-7 yang dijadualkan pada 26 Julai 2018.

Pada hari yang sama, pengumuman dibuat bahawa permohonan ini ditolak oleh Mahkamah dan Mesyuarat Agung Tahunan ke-7 Syarikat diteruskan seperti yang dijadualkan.

Pada AGM ke-7 Syarikat:

- Tiga Pengarah Bebas (daripada lima ahli lembaga pengarah), termasuk Pengerusi tidak memohon pelantikan semula sebagai Pengarah Syarikat.
- Resolusi yang berkaitan pelantikan semula dua Pengarah Eksekutif tidak dikemukakan untuk pengundian dalam AGM menurut Seksyen 196 (1) (b) Akta Syarikat, 2016 yang mana sesebuah syarikat awam perlu mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) Pengarah.
- Lembaga Pengarah bersetuju untuk mengetepikan ganjaran Pengarah yang perlu dibayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif bagi tempoh berakhir 31 Januari 2018 dan tempoh dari 1 Februari 2018 hingga ke AGM yang berikutnya.
- Juruaudit luar tidak mahu meneruskan perkhidmatan sebagai Juruaudit Syarikat.

[Sumber: Pengumuman APFT di laman web Bursa Malaysia pada 18 Julai 2018, 25 Julai 2018 & 26 Julai 2018]

KOMEN MSWG

Sebagai orang kepercayaan Syarikat, pengarah perlu mematuhi standard tingkah laku yang tinggi. Penyalahgunaan dana Syarikat adalah salah laku serius oleh seseorang pengarah Syarikat. Syarikat perlu menjalankan siasatan lanjut bagi menentukan tahap kesalahan itu dan jika ada, impak kewangan ke atas Syarikat dan langkah pemulihan yang akan diambil secepat mungkin. Para pemegang saham perlu dimaklumkan tentang hasil siasatan.

Maklumat kewangan yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan Syarikat bagi tempoh 18 bulan berakhir 31 Januari 2018 menunjukkan kedudukan kewangan Kumpulan yang lemah. Kerugian sebelum cukai meningkat kepada RM58.7 juta pada TK2018 daripada RM4.9 juta pada TK2012. Jumlah aset menyusut daripada RM61.4 juta pada TK2012 kepada RM27.1 juta pada TK2018 dan ekuiti pemegang saham berjumlah negatif RM19.3 juta pada 31 Januari 2018.

Melihat situasi semasa, AGM Syarikat menyediakan peluang dan ruang yang penting bagi pemegang saham untuk mengemukakan soalan berkaitan hal ehwal dan hala tuju Syarikat kepada Pengarah dan pengurusan. Para pemegang saham perlu melontarkan soalan di luar perkara strategik dan kewangan malah yang berkaitan isu tadbir urus.

Melihat kedudukan kewangan semasa Syarikat, usaha yang lebih gigih perlu disasarkan ke atas operasi perniagaan Syarikat bagi membantu memulihkannya. Kami berharap semua isu yang tidak diingini dapat diselesaikan secepat mungkin sebelum situasi bertambah teruk.

IHH HEALTHCARE BERHAD ("IHH" ATAU "SYARIKAT")

Penyertaan dalam Fortis

Menurut dokumen yang dilampirkan pada pengumuman oleh Syarikat pada 13 Julai 2018, salah seorang Pengarah Bebas merangkap Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko Syarikat mengundi menentang Cadangan. Beliau tidak selesa dengan struktur Cadangan selepas mengambil kira faktor risiko berkaitan Cadangan dan pendapat bersyarat yang dikeluarkan oleh juruaudit luar Fortis, Deloitte Haskins & Sells LLP, dalam penyata kewangan Fortis bagi tahun berakhir 31 Mac 2018 yang dikeluarkan pada 7 Julai 2018.

[Sumber: Pengumuman IHH di laman web Bursa Malaysia pada 13 Julai 2018]

KOMEN MSWG

Kes ini menarik kerana seorang pengarah bebas yang memegang jawatan penting sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko telah mengundi menentang Cadangan yang dibentangkan untuk kelulusan Lembaga. Ini adalah contoh seorang pengarah bebas yang bertindak secara bebas, menyuarakan pandangan dan mengundi tanpa perasaan takut atau pilih kasih. Pengarah bebas tidak boleh terperangkap dalam kongkongan pemikiran kumpulan.

Pengerusi dan Lembaga harus dipuji kerana mewujudkan persekitaran yang menggalakkan perbezaan pendapat dan mengetengahkan pendapat yang berbeza daripada ahli lembaga dalam pengumuman mereka.

Dalam kes ini, pengarah bebas menyuarakan kebimbangan beliau secara khusus mengenai struktur Cadangan dan pendapat bersyarat yang dikeluarkan oleh juruaudit luar. Kami percaya Lembaga akan mengambil perhatian dan akan mengadakan perbincangan yang sihat bagi merungkai perbezaan pendapat ini.

MSWG menggalakkan lembaga pengarah supaya berani mengutarakan perspektif dan pandangan yang berbeza. Perbezaan ini menjurus kepada perbincangan dan pertimbangan yang mantap, seterusnya menghasilkan keputusan yang lebih baik.

TINJAUAN MINGGUAN AGM MSWG UNTUK TEMPOH 30 JULAI HINGGA 3 OGOS 2018

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
31.07.18 (Selasa) 10.00 pagi	AMMB Holdings Bhd	Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur

Beberapa perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	**Perkara/ Isu untuk Diajukan**
AMMB Holdings Bhd (AGM)	1) Merujuk halaman 29 dalam "Analisis Segmen" Laporan Tahunan, kami mendapati keuntungan selepas cukai segmen Perbankan Runcit dan Borong masing-masing menyusut 12.9% dan 5.5%, disebabkan kos kejejasan nilai yang lebih tinggi, pemulihan yang lebih rendah dan perbelanjaan yang lebih tinggi pada TK2018. Melihat senario ekonomi semasa, apakah sasaran yang diharapkan untuk segmen perbankan runcit dan borong pada TK2019? 2) Pada halaman 28 Laporan Tahunan, kami mendapati di bawah "Kad Skor Prestasi", penunjuk kewangan utama pulangan ekuiti (ROE) dan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATMI) untuk tempoh 4 tahun (TK2015 – TK2018) berada pada trend menurun dengan peningkatan nisbah CTI sepanjang tempoh tersebut. Bilakah Kumpulan dijangka menunjukkan trend menaik untuk nisbah keuntungan dan apakah sasaran nisbah CTI?

PASUKAN MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, devanesan@mswg.org.my
Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat, rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat, banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, norhisam@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat, linnert.hoo@mswg.org.my
Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat, elaine.choo@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, cheemeng@mswg.org.my
Abdul Halim Alias, Pengurus, Pemantauan Korporat, halim.alias@mswg.org.my
Mustaqim Yusof, Penganalisa Kanan, Khidmat Korporat, mustaqim.yusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Tek Seng Holdings Bhd, APFT Bhd dan Versatile Creative Bhd.*

Maklumbalas
Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke corporateservices@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada

tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.